

16/02/2003

KL berusaha adakan sidang tidak rasmi OIC

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Salina Abdullah

PUTRAJAYA: Malaysia akan mencari jalan untuk mengadakan mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berhubung krisis Iraq sempena sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini, minggu depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia kecewa dengan sikap Qatar sebagai Pengerusi OIC yang menolak cadangan negara ini dan Iran untuk mengadakan mesyuarat khas krisis Iraq sempena NAM, Malaysia akan mengambil inisiatif ke arah itu.

"Banyak ketua negara OIC yang juga menganggotai NAM akan berada di Kuala Lumpur sempena sidang itu. Ini adalah peluang bagi kita berjumpa dan berbincang secara tidak formal untuk melihat pendirian kita dan mencapai satu pendirian bersama berkaitan konflik berkenaan," kata Perdana Menteri ketika ditanya pendirian negara terhadap penolakan dari Qatar itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan dari kumpulan rakyat Palestin di Seri Perdana di sini semalam, Dr Mahathir berkata, Presiden Iran Mohammad Khatami menghubunginya untuk meminta diadakan sidang khas berkaitan.

Beliau berkata, Khatami yang menelefonnya baru-baru ini untuk melahirkan cadangan mengadakan sidang tergepar itu sempena NAM.

Sementara itu di Shah Alam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia tidak keberatan memikul tanggungjawab itu dan hanya menunggu persetujuan negara anggota OIC untuk mengatur mesyuarat berkenaan sempena NAM.

"Malaysia melihat ini adalah masa terbaik untuk negara OIC berbincang dan mencari jalan untuk menghadapi konflik yang berlaku di kalangan negara Islam. Sidang Kemuncak NAM ini akan dihadiri 40 ketua negara OIC. Oleh itu, kenapa perlu tunggu lagi?"

"OIC harus memainkan peranannya. Kita tidak boleh berdiam diri dan membiarkan keganasan serta penindasan dilakukan dalam kawasan atau rantau kita (OIC). Adalah sesuatu yang menyedihkan jika kita membiarkan orang lain untuk menentukan masa depan dan hala tuju rantau kita," katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga akan menjemput negara anggota OIC yang bukan anggota NAM untuk menghadiri mesyuarat khas, selama sehari itu yang dijangka diadakan sejurus selepas sidang kemuncak NAM.

OIC dianggotai 56 negara dan kali terakhir ia mengadakan sesi khas ialah pada April 2002 di Kuala Lumpur bagi membincangkan berkaitan isu-isu keganasan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Forum NAM di Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM), di sini semalam, beliau bagaimanapun berkata tempat bermesyuarat itu akan ditentukan kemudian, bergantung kepada persetujuan negara OIC untuk menyertai pertemuan khas itu.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, 58 ketua negara NAM sudah mengesahkan kehadiran secara bertulis di sidang kemuncak NAM itu manakala tujuh buah negara memberi pengesahan kehadiran secara lisan.

Ditanya mengenai kehadiran Presiden Palestin, Yasser Arafat dan pemimpin Iraq ke sidang kemuncak itu, Syed Hamid berkata, Iraq yang juga anggota OIC, belum memutuskan wakil mereka tetapi dijangka menghantar pemimpin utamanya ke sidang kemuncak itu.

"Saya percaya mereka sedang mengawasi keadaan untuk memutuskan wakil mereka ke persidangan ini," katanya.